

→ BELIA

Info

Kegiatan sambutan Hari Belia

→ **Persembahan Muzik** oleh Estranged, Najwa Latif, Monologue dan OAG
→ **Bengkel Fotografi**, Monoch-

rome Poster, Pertukangan Kayu, Chalk Art
→ **Konvensyen Belia Negara**
→ **Lima kategori anugerah**

termasuk Anugerah Perdana Belia Negara
→ **Showcase of Talent**
Mahasiswa

→ **Galeri 3D Mural**, Jelajah Warna, Fusion Wayang Kulit
→ **Pertemuan & Cerita** oleh selebriti media sosial

[FOTO HIASAN]



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bergambar bersama Khairy; Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M Saravanan (kiri); Menteri Sumber Manusia, Datuk Richard Riot; Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Datuk Jamil Salleh (kanan) dan pemenang anugerah pada majlis Sambutan Hari Belia Negara tahun lepas.

Pengisian program berkualiti, tepati cita rasa masa kini

→ Sambutan diadakan di UPM ketengah konsep Jelajah Kampus

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

■ Putrajaya

Kementerian Belia dan Sukan yakin sambutan Hari Belia Negara 2016 pada 15 Mei ini akan tetap hangat dengan pengisian program yang berkualiti dan menepati cita rasa belia masa kini.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin, berkata sambutan kali ini diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor berikutnya langkah penjimatan kerajaan, manakala konsep sambutan diubah dengan menggunakan pendekatan lebih kreatif, santai dan lebih meluas.

“Cabarannya bagi penganjuran ta-

hun ini ialah bagaimana untuk menjayakan sambutan dengan bantuan yang lebih rendah. Jadi, kami ketengahkan konsep sebar luas menerusi pengisian 228 program pada peringkat kampus universiti, negeri dan daerah.

Program Jelajah Kampus

“Sambutan tidak tertumpu kepada satu tempat sahaja, sebaliknya kami mahu sambutan ini dirasai di seluruh negara. Justeru, kami wujudkan program Jelajah Kampus supaya lebih ramai mahasiswa menyertai sambutan yang diadakan,” katanya ketika ditemui pemberita di pejabatnya, di sini, semalam.

Tambah Khairy, sambutan utama Hari Belia di UPM akan dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

“Kita tidak letak sasaran jumlah pengunjung, namun kita pasti program disediakan tetap berkualiti dan menepati cita rasa belia.

“Pada masa sama, kita mahu sambutan ini tidak hanya menarik minat belia daripada persatuan belia sahaja, sebaliknya turut disertai golongan belia seperti ketika

sambutan ini dianjurkan di Putrajaya tahun lalu, yang menarik penyertaan ramai orang muda.

“Tahun lalu juga kita melihat peningkatan penyertaan belia berbilang kaum hasil daripada pengisian program yang menepati cita rasa mereka dan kami harap ia berterusan untuk tahun ini, malah pemilihan UPM yang mempunyai mahasiswa berbilang kaum diharap dapat membantu,” katanya.

Tambah Khairy, Anugerah Khas Belia bagi sambutan tahun ini juga akan diberikan kepada seseorang daripada luar ekosistem persatuan belia.

Anugerah Khas dalam bidang sains

“Tahun ini kita akan beri kepada seseorang daripada bidang sains. Saya nak iktiraf saintis muda dan mahu galakkan lebih ramai anak muda ceburi bidang sains,” katanya.

Tambah Khairy, Anugerah Khas Belia bagi sambutan tahun ini juga akan diberikan kepada seseorang daripada luar ekosistem persatuan belia.



Khairy Jamaluddin